

Pengurusan Modal Insan Dalam Organisasi: Perspektif Pengurusan Islam

Rashidi Bin Abbas

*Pusat Bahasa Moden Dan Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
rashidi@ump.edu.my*

Abstrak

Pengkaji barat yang popular dengan pengurusan secara saintifik, telah berjaya mengutarakan beberapa teori yang bernas dan mereka telah memisahkan organisasi pengurusan daripada agama dan kepercayaan. Pendekatan saintifik ini juga telah dipraktikkan di dalam semua bentuk pengurusan dan hasilnya dikatakan telah membawa banyak perubahan kepada organisasi dan telah meningkatkan produktiviti syarikat. Perkara ini sememangnya menjadi matlamat sistem pengurusan barat yang berorientasikan kebahagiaan dunia semata-mata tanpa mengira faktor modal insan yang perlu diberi perhatian.

Kertas kerja ini akan menyingkap sistem pengurusan Islam, pendekatan organisasi dalam mendokong harapan negara untuk melahirkan insan yang sebenar-benarnya dan akhirnya akan mencapai konsep al-falah. Pengurusan Islam dalam pengurusan kerja akan menyentuh tentang konsep kerja dalam Islam dan pengawasan dalam bekerja. Sehubungan dengan itu pengurusan modal insan saling berkaitan dengan ahli organisasi itu sendiri atau tenaga kerja yang terdapat dalam organisasi itu. Justeru itu, matlamat akhir organisasi dalam Islam bukan hanya mengejar keuntungan semata-mata tetapi ada yang lebih penting dari keuntungan di dunia iaitu mencapai reda Allah SWT. Bermula dari langkah inilah manusia akan berfungsi menurut acuan yang benar dari Islam dan seterusnya melahirkan modal insan yang berkualiti dalam masyarakat dan Negara.

Manusia adalah makhluk yang dipilih oleh Allah untuk menjadi khalifah di muka bumi. Kenapa Allah memilih manusia untuk memperkukuhkan ajaran Islam? Sudah tentu ada hikmah disebaliknya yang akan diungkap secara lengkap dalam kertas kerja ini.

Kata kunci: *Teori pengurusan Islam, pengurusan organisasi.*

PENDAHULUAN

Setiap manusia memerlukan pengurusan dalam hidupnya. Pengurusan ini ialah yang meliputi kehidupan bersosial, ekonomi dan berpolitik. Semuanya amat memerlukan pengurusan yang bersifat dinamik. Namun segala jenis pengurusan hendaklah bertepatan dengan kehendak al-Quran dan syariatnya yang menjadi pegangan umat Islam. Kehidupan yang mempunyai pengurusan lebih terbimbing dan terkawal serta lebih terurus. Hidup yang terurus dalam segala aspek kehidupan menjamin kejayaan seseorang di dunia dan akhirat.

Jika diperhatikan teori pengurusan moden amat produktif di dalam melahirkan teori-teori baru yang mana kesemuanya cuba membuat andaian tertentu tentang manusia. Mereka menyedari bahawa manusia adalah *input* atau sumber penting di dalam pengurusan dan pentadbiran. Oleh kerana kegagalan memahami akan hakikat keinsanan manusia, tujuan dan matlamat hidup ataupun tujuan-tujuan lain yang lebih *fundamental*. Pengurusan moden telah gagal melahirkan modal insan yang mantap dari segi intelektual, kerohanian, kesedaran moral yang *transcendant* walaupun amat produktif dari segi melahirkan teori-teori baru. Pengurusan moden juga melihat manusia itu sebagai haiwan ekonomi yang bertugas hanya untuk memuaskan nafsu ekonomi dan berminat hanya memenuhi kehendak dan objektif organisasi, maka lahirlah pemikiran baru di dalam pengurusan iaitu *organization development* pembangunan organisasi yang mana kesemuanya ini pada hakikat ingin menjadikan manusia tunduk kepada kehendak organisasi. Dengan kata lain, pengurusan moden mengakui kepentingan faktor manusia di dalam organisasi serta berminat untuk mengkaji perilaku manusia, sifat dan tabiat semulajadi manusia. Malangnya mereka tidak pernah membicarakan hakikat manusia yakni mengenai hidupnya, peranan sebenar manusia di muka bumi.

Disinilah peranan agama yang berbeza dari pengurusan moden sehinggalah melahirkan pengurus yang bersifat hedonis, sekular dan materialis semata-mata sehingga tersasar jauh dari landasan sebenar untuk melahirkan modal insan yang berkualiti.

DEFINISI PENGURUSAN

Perkataan pengurusan bermakna pimpinan dan arahan yang diambil dari kata kerja *manage* bererti mengemudikan, mengurus dan memerintah. Istilah *management* berasal dari bahasa Itali *managiere* yang bererti melatih kuda. Dalam bahasa Arab disebut *idarah* atau *tadbir* dan dalam bahasa Perancis di sebut *administration*.

Fridreck Taylor memberikan rumusan " Pengurusan ialah seni yang ditentukan untuk mengetahui dengan bersungguh-sungguh apa yang ingin dilakukan dan mengawasi bahawa mereka melakukan sesuatu dengan sebaik-baiknya dan cara yang semudahnya."

Penjelasan di atas telah memebri gambaran bahawa pengurusan merupakan sebahagain daripada aktiviti atau proses tertentu untuk mencapai sasaran, tujuan dan dengan menjalankan setiap fungsi sesuai dengan ketentuan yang ditetapkan.

Al-Quran merupakan petunjuk jalan yang benar dan lurus bagi manusia antara dirinya dengan Allah (Hablumminallah) atau sesama manusia (Hablumminnas) atau segala hubungan dengan makhluk yang lain. Ini memberikan indikasi bahawa manusia suka hidup secara berkumpulan dan berkelompok. Untuk mewujudkan suasana yang harmoni dan tenteram memerlukan pengurusan yang sempurna dan baik.

PARADIGMA TAUHID DALAM PENGURUSAN ORGANISASI

Apabila berbicara mengenai Islam sebagai satu cara hidup, maka kita tidak boleh memisahkan dengan paksi Islam itu sendiri iaitu tauhid. Implikasi tauhid ini memberikan impak yang besar kepada manusia kerana *roh tauhid* ini akan dibangunkan satu sistem yang berpaksikan kepada acuan yang sebenarnya iaitu Islam. Ini dapat dilihat pada zaman Jahiliah yang dihidupkan *roh tauhid* sehingga Arab Jahiliah dapat meninggalkan segala kedurjanaan dan kebejatan yang telah dikalukan sebelum ini. Pembentukan modal insan dalam organisasi tidak akan terlepas dari konsep penerapan tauhid dalam memperkasakan sipritual yang sejati. Begitu pula sebanarnya, tauhid ini akan memberikan ukuran yang universal dan memberi takrif dengan tepat sistem nilai yang harus diikuti oleh manusia dan pekerja dalam organisasi. Asas pendekatan tauhid ini ialah realiti kewujudan Allah yang Maha Esa, penguasa seluruh alam, pentadbir segala-galanya, Maha berkuasa ke atas sekalian makhluk dan sebagainya. Keesaan Allah bukan dalam dalam konsep metafizik sahaja tetapi merupakan satu doktrin yang dinamik dan revolusioner. Menyatakan kedudukan manusia yang sama rata dan kenapa manusia diciptakan serta dilantik sebagai khalifah Allah SWT.

MANUSIA DARI PANDANGAN ISLAM DAN SOSIALISASI ORGANISASI

Konsep manusia dari perspektif Islam bukan hanya sebagai khalifah sahaja tetapi juga menjadi hamba-Nya. Konsep tauhid di atas adalah pengabungjalinan antara manusia dengan manusia serta manusia dengan RabNya. Teori pengurusan barat hanya memfokuskan tentang hubungan manusia dengan organisasi sedangkan dalam Islam lebih dari itu, walaupun berada di organisasi yang dipimpin oleh manusia, kita sebenarnya di bawah kawalan sistem Allah SWT. Oleh kerana itu, kita sebenarnya tidak boleh mengagungkan inovasi-inovasi manusia, falsafah-falsafah yang dicipta manusia. Sekiranya hal ini berlaku akan menyebabkan pembangunan manusia yang sebenarnya tidak akan berlaku. Seharusnya pembangunan rohani, fizikal dan mental perlu digilap secara bersama-sama seterusnya akan melahirkan dan membangkitkan manusia atau modal insan yang berguna kepada organisasi dan agama.

Pemimpin harus memimpin dan menyeru manusia untuk memperbaiki dan mempertingkatkan hubungan kerjasama antara mereka bagi kesejahteraan organisasi dan kehidupan bermasyarakat. Hubungan antara manusia dan organisasi mestilah berlandaskan kepada akautabiliti, keadilan, persaudaraan dan persefahaman. Jika nilai ini dipinggirkan akan mengakibatkan berlakunya kucar-kacir, permusuhan dan perbalahan sehingga bekerja diorganisasi tidak mendatangkan ketenangan dan kebahagiaan.

Paradigma tauhid dapat melenyapkan kontradiksi dan ketidakharmonian dalam organisasi dan alam sejagat. Tauhid ini akan meningkatkan lagi tahap disiplin diri dan mutu jaminan kerja di organisasi. Rasa bertanggungjawab kepada Allah dan organisasi akan selalu terikat di dalam fikiran orang yang bertauhid. Manusia akan mempunyai sifat *self respect* dan *self esteem* yang tinggi. Dalam organisasi, individu seperti ini akan berani mengambil tindakan tanpa merasa takut terutamanya dalam menegakkan kebenaran dan membela keadilan.

IMPLIKASI TAUHID KE ATAS PEMBENTUKAN MODAL INSAN

1. Manusia berkhidmat untuk keuntungan organisasi dengan tujuan untuk mendapatkan keredaan dan mengelakkan dari kemurkaan Allah yang matlamat utama pekerjaannya bukan bersifat keduniaan dan kebendaan semata-mata.
2. Ia berkhidmat sebagai hamba Allah dan KhalifahNya dalam apa jua keadaan. Iaitu nilai amanah yang dipikul ke atasnya di mana merangkumi nilai amanah kepada Allah secara keseluruhan termasuklah tubuh badan yang dikurniakan Allah, ilmu yang dimiliki, harta yang dikumpulkan, kemahiran yang ada, semuanya adalah amanah dari Allah SWT.
3. Ia menjalankan tugas atas dasar ibadah kepada Allah SWT di samping menunaikan ibadah-ibadah khusus yang wajib dilakukan. Motivasi kerja bukan lagi berbentuk ganjaran dunia, gaji yang tinggi, bonus syarikat tetapi balasan baik dan ganjaran dari Allah.
4. Hubungan kemesraan dengan manusia tidak lain bukan berdasarkan kepada pangkat tetapi nilai-nilai kemanusiaan yang mengatasi perbezaan ras, warna, bahasa dan keturunan.
5. Rasa tanggungjawab bukan hanya kepada ketuanya tetapi lebih penting dari itu iaitu kepada Allah SWT. Di samping ada wujudnya sekatan untuk mencegah segala tindakan yang bercanggah dengan Islam.
6. Membuatkan manusia patuh kepada peraturan dan undang-undang Allah SWT. Jangan sampai berlaku kecelaruan undang-undang organisasi dengan undang-undang Allah SWT.

KONSEP KEPIMPINAN

Dalam Islam setiap individu yang mukalaf mempunyai tugas kepimpinan sama ada suami, isteri, pegawai kerajaan, ketua kampung dan sesiapa sahaja. Sehubungan dengan itu Rasulullah saw bersabda:
"Tiap-tiap daripada kamu adalah pemimpin. Justeru itu kamu adalah bertanggungjawab terhadap mereka yang diletak di bawah pimpinan kamu." (Riwayat Bukhari & Muslim)

Jika ditinjau secara terperinci, perspektif Islam mengenai kepimpinan mengambil kira empat pendekatan untuk mengkaji kepimpinan. Ketokohan seorang pemimpin dalam Islam dinilai dari segi ciri-ciri peribadi pemimpin, perlakuannya, kaedah pemilihannya, natijah kepimpinan dan juga aspek tarbiyah untuk mempertingkatkan mutu kepimpinan untuk membangun modal insan secara holistik.

Pemimpin juga perlu mengekalkan hubungan harmonis dengan yang dipimpin di dalam pengurusan organisasi. Hubungan yang harmonis sangat perlu untuk mencapai matlamat organisasi. Dalam Islam kepimpinan dan yang dipimpin adalah berasal dari satu jiwa sepertimana firman Allah:

" Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Allah yang menciptakan kamu dari jiwa yang satu."
(An-Nisa': 1)

Adapun yang dimaksudkan dengan seorang manusia atau jiwa yang satu dalam ayat ini ialah Nabi Adam a.s. Firman Allah:

" Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dari setitis mani yang bercampur yang kami hendak mengujinya, kerana itu kami jadikan dia mendengar dan melihat." (Al-Insan:2)

Mamahami hakikat ini, hubungan di antara kepimpinan dan yang dipimpin hendaklah berdasarkan kepada asas kemanusiaan, bertimbang rasa dan kerja sama yang erat. Setiap interaksi harus mencerminkan peribadi hamba kepada Allah SWT. Saidina Abu Bakar berkata:

” Taatlah saya selama saya mentaati Allah dan rasul-Nya. Apabila saya menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka tidak wajib ke atas kamu mentaati saya.”

KESIMPULAN

Pembentukan modal insan menerusi institusi organisasi amat berkesan jika diadun dengan ramuan yang baik dan segar. Organisasi akan kucar kacir sekiranya modal insan tidak diperbetulkan terlebih dahulu. Oleh kerana itulah, teori barat yang dikemukakan masih perlu diperhalusi dan diperketatkan penerimaannya, memandangkan kecelaruan yang berlaku dalam organisasi masih tidak dapat diselesaikan. Kebahagiaan hati pekerja perlu dipertingkatkan untuk menjelmakan modal insan yang berkualiti tinggi. Wadahnya melalui organisasi yang dirancang secara teratur oleh pemimpin yang berkarisma dan mempunyai fikrah Islami. Kombinasi spiritual dan fizikal perlu dijelmakan untuk objektif insan kamil. Pelaburan material semata-mata tidak membawa pembentukan yang harmonis dalam organisasi. Untuk itu kembali kepada teori Islam yang menekankan keseimbangan antara dunia dan akhirat.

RUJUKAN

- Shahrom TM sulaiman (1999), *Pengurusan Islam Dan Pembangunan Manusia*. Thinker's Library Sdn.Bhd. Selangor.
- Wan Liz Ozman Wan Omar (1997), *Pengurusan Islam Abad Ke-21*. Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Abu Maswah Nasih (t.t), *Pengurusan Menurut Ajaran Al-Quran*. Re-Image System Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Mustafa Haji Daud (1996), *Etika Pengurusan*. Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Shukri Ahmad et.al (2001), *Adab & Etika Kerja Dalam Organisasi*. Universiti Utara Malaysia. Sintok.